



MAKANAN HANTARAN DALAM PERKAHWINAN MELAYU KELANTAN: ADAT DAN INTERPRETASI

(Food gifts in Kelantanese Malay Weddings: Custom and Interpretation)

Aishah@Eshah Haji Mohamed, Sulong Mohamad & Haziyah Hussain

ABSTRAK

Dalam perkahwinan Melayu Kelantan, adat menuntut supaya pengantin lelaki dan wanita bertukar pemberian pada hari perkahwinan. Pemberian ini dinamakan hantaran dan selalunya dalam bentuk barang keperluan peribadi kedua-dua pengantin (seperti baju, alat persolekan, barang kemas) dan makanan. Makalah ini meninjau perkara yang bersangkutan dengan adat dan makna makanan hantaran dalam upacara perkahwinan Melayu Kelantan dengan memberi perhatian kepada tingkah laku dan item-item simbolik yang berkaitan dengan makanan. Perbincangan ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan di Kelantan. Orang Melayu Kelantan masih mengamalkan adat memberi makanan sebagai sebahagian daripada bahan hantaran perkahwinan mereka. Jumlah bahan hantaran ini mestilah dalam angka ganjil. Makanan yang menjadi hantaran terdiri daripada nasi pulut dan telur semangat, sirih junjung, buah-buahan, kueh muih dan lauk paut (hanya daripada pihak pengantin perempuan). Makanan itu diletakkan di atas pahar (iaitu talam berkaki yang dibuat daripada gangsa atau tembaga) dan dihias cantik mengikut kemampuan keluarga pengantin. Kepentingan dan makna makanan hantaran ini dibincangkan dengan *detail* dalam artikel ini.

Kata kunci: Symbolisme makanan, perkahwinan Melayu, adat Melayu, makanan hantaran

ABSTRACT

In the Kelantanese Malay weddings, it is a tradition for the bridegrooms and brides to exchange gifts. These gifts, known as hantarans include clothings, jewelaries and food. This article explores the hidden meanings and tradition of food hantarans in the Kelantanese Malay wedding ceremonies, with emphasis on behavior and symbolic aspects associated with food. The discussion here is based on a research in Kelantan that has been completed recently. The Kelantanese Malays have always included food as part of the hantarans, which are presented to either side in uneven numbers. These hantarans are placed neatly and decorated beautifully, befitting the socioeconomic status of the families of the brides, on pahars, containers with four legs, made from copper or bronze. These food hantarans have their own meaning and significance which are discussed in greater detail in this article.

Key Words: Food symbolism, Malay wedding, Malay custom, food gifts (hantaran)

PENGENALAN

Pembangunan pesat yang berlaku dalam kalangan orang Melayu tidak banyak mengubah kepercayaan dan amalan mereka tentang makanan. Mereka mengguna makanan untuk memenuhi keperluan biologi, mentafsir persekitaran sosial dan memindah pengetahuan tentang siapa dan apa diri mereka sebenarnya. Orang Melayu mengguna makanan sebagai penanda sosial untuk membina dan membentuk realiti sosial mereka. Melalui makanan mereka mengkonsepsi status, kuasa, taraf kesihatan, corak hubungan, keselamatan, kehormatan, identiti dan hospitaliti. Makanan bertindak sebagai simbol. Melalui simbol orang Melayu mendefinisikan diri mereka daripada objek di luar susunan sosial yang mengandungi maksud tentang masyarakat dan peraturan bagi interaksi sosial. Makanan merupakan simbol yang sesuai untuk memahami budaya Melayu. Dalam budaya Melayu, wanita yang hendak berkahwin mestilah pandai memasak. Kepandaian ini terjelma melalui makanan yang diberi sebagai balasan kepada pihak pengantin lelaki. Kepandaian memasak ini juga penting dalam mengharungi kehidupan selepas kahwin kerana memasak dalam lingkungan domestik ialah peranan utama wanita yang berkahwin. Penerimaan pengantin perempuan terhadap keluarga suami dinilai daripada makanan yang dihidangkan kepada mereka semasa datang mengziarah. Tidak menyediakan minuman atau makanan (mengikut kesesuaian) kepada keluarga suami yang datang ke rumah menggambarkan sesuatu yang negatif.

Makalah ini membincang makna dan fungsi simbolik makanan hantaran dalam perkahwinan orang Melayu Kelantan. Makna dan fungsi simbolik makanan hantaran ini penting difahami kerana kegunaan sesuatu bahan tidak boleh ditafsirkan begitu sahaja kerana bahan mempunyai makna yang tersendiri (Firth 1973: 26). Makna dan fungsi mengikut aliran simbolisme ialah alat yang mengandungi idea metafora sosial. Inti pati bagi simbolisme terletak pada pengiktirafan makanan sebagai mewakili sesuatu yang lain. Hubungan antara simbol ini bermula daripada konkrit ke abstrak dan khusus kepada umum (Firth 1973).

KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI

Perbincangan ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan di tiga kawasan di Kelantan, iaitu Sungai Peria, Kuala Krai; Sabak, Kota Bharu dan Perupok, Bachok (Rajah 1) dengan menggunakan pendekatan interpretif. Dua kaedah digunakan dalam kajian ini, iaitu pemerhatian dan temu bual mendalam. Temu bual mendalam dilakukan dengan informan utama (misalnya Mak Andam, k etua tukang gulai, wanita tua) dan 20 orang informan yang terdiri daripada ibu kedua-dua pengantin sejak tahun 2000 hingga 2009. Temu bual ini dilakukan sekurang-kurangnya dua kali dengan setiap informan. Pemerhatian dilakukan semasa kenduri kahwin dengan memerhatikan makanan yang dijadikan hantaran oleh pihak pengantin lelaki dan makanan yang dijadikan balasan oleh pihak pengantin perempuan. Sebanyak 20 kenduri kahwin diperhatikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.



Rajah 1: Kawasan Kajian

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dalam makalah ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, membincangkan tentang simbolisme makanan dalam konteks pemberian dan pertukaran makanan. Kedua, adat tentang pemberian dan pertukaran makanan dalam perkahwinan Melayu. Ketiga, tumpuan diberikan kepada interpretasi makanan yang dijadikan hantaran dalam perkahwinan Melayu Kelantan (seperti pulut dan telur semangat, sirih junjung, kek dan buah-buahan).

(a) Pemberian, Pertukaran dan simbolisme Makanan

Ahli antropologi yang mengkaji makanan banyak tertumpu kepada penggunaan makanan dari sudut agama, *ritual* dan pantang larang. Antara mereka ialah Richard (1932; 1939), Levi-Strauss (1966; 1969), Douglas (1966; 1972; 1973; 1975), Tambiah (1969), Firth (1973) dan Young (1971). Audrey Richard (1932) ialah ahli antropologi yang pertama menganalisis masa makan (*meal*). Beliau mendapati bahawa perbezaan sosial antara gender, dan umur dalam masyarakat Bemba di Afrika terjelma semasa makan. Claude Levi-Strauss, yang banyak merintis jalan ke arah memahami ciri-ciri simbolisme makanan telah membincangkan perbezaan antara cara masak orang Inggeris dengan cara masak orang Perancis. Beliau menunjukkan bagaimana perbezaan antara makanan mentah dengan makanan masak berkait dengan pemikiran manusia yang membezakan antara *nature* dengan budaya. Makanan yang dimasak ialah transformasi budaya bagi yang mentah, manakala makanan yang menjadi busuk ialah transformasi secara semula jadi sama ada daripada makanan mentah atau makanan yang dimasak. Beliau telah mengembangkan pemikiran ini dalam apa yang

dipanggil sebagai "*culinary triangle*". Pemikiran beliau berkembang melalui kajiannya tentang *mythology* yang diterbitkan dalam buku *The raw and the cooked* (1964) dengan menganalisis struktur dalaman 800 *mitos* yang berkaitan dengan makanan. Beliau menyamakan cara manusia menyediakan makanan dengan bahasa, yang pada tahap luar sedar menggambarkan struktur masyarakat. Beliau merumuskan bahawa sikap manusia terhadap haiwan dan tumbuhan tidak banyak berkait dengan apa yang elok untuk dimakan tetapi apa yang difikirkan elok.

Mary Douglas (1978) melihat makanan sebagai fakta sosial apabila beliau cuba menafsirkan masa makan. Organisasi sosial bagi masa makan adalah sama dengan upacara *ritual*. Masa makan ialah masa ahli keluarga dan kawan rapat berkumpul dan susunan kedudukan semasa makan menentukan hierarki status dalam keluarga atau organisasi sosial. Semasa makan bersama secara formal, tempat duduk tertentu dikhaskan untuk orang tertentu. Beliau berpendapat bahawa penyusunan masa makan adalah sama dengan penyusunan percakapan. Makan pagi tidak *rigid* dan paling ringkas, dengan individu diberi kebebasan untuk memilih makanan yang mereka hendak makan (Douglas 1978). Individu boleh menentukan apa yang mereka suka dan perlu, iaitu keperluan dan kegemaran individu dinyatakan. Dalam masyarakat Barat, semasa makan pagi ahli keluarga tidak perlu menunggu semua ahli keluarga untuk makan. Masa makan tengah hari atau malam di rumah, semua ahli keluarga mesti duduk di tempat yang betul, tunggu semua orang dan mereka tidak ada pilihan dari segi apa yang mereka ingin makan. Mereka hanya boleh memilih apa yang ada atau telah disediakan sahaja. Bagi mereka yang bekerja, masa makan tengah hari menggambarkan sosiabiliti seseorang. Kebanyakan orang tidak suka makan sendirian. Mereka lebih suka pergi makan bersama kawan atau ahli keluarga.

Pengkaji-pengkaji lain melihat makanan sebagai simbol kekayaan dan status sosial (Malinowski 1922, 1935a dan 1935b), sebagai mekanisme untuk mewujudkan, mengekalkan dan memanipulasi hubungan sosial (Young 1971: 147, Foster & Anderson 1978) dan untuk menunjukkan hierarki sosial (Dumont 1974). Young melihat kenduri dan upacara pertukaran bahan makanan sebagai bentuk hukuman sosial dan perlakuan politik lelaki. Louis Dumont (1974) mengkaji kesucian makanan sebagai indeks hierarki sosial di sebuah kampung di India Tengah. Penduduk di kampung tersebut terbahagi kepada 23 kasta dan mereka ini membezakan diri mereka daripada orang lain mengikut kegunaan paip, bekalan makanan biasa bagi meal biasa dan bekalan makanan semasa upacara. Antara kasta ini terdapat peraturan yang berkaitan dengan penerimaan makanan, apa yang mereka boleh makan, dan siapa yang boleh dijemput untuk memasak makanan semasa upacara. Mereka daripada kasta Brahmin tidak boleh makan makanan yang dimasak oleh kasta pariah dan golongan ini juga tidak boleh memakan makan tertentu. Makanan juga berkait dengan hubungan sosial dan merupakan cara untuk berkomunikasi (Foster & Anderson 1978). Perbuatan makan atau minum menggambarkan darjah hubungan antara mereka yang terlibat. Mereka yang makan bersama ialah mereka yang mempunyai hubungan sosial yang rapat.

Aktiviti memberi dan menerima makan mempunyai makna dan fungsi simbolik. Perkongsian makanan dalam kebanyakan masyarakat diberi nilai yang tinggi. Tuan rumah sanggup berlapar kalau mereka menerima tetamu yang ramai. Memberi dan menerima makanan merupakan cara masyarakat menerangkan hubungan sosial. Terdapat prinsip yang mengawal perkongsian dan pertukaran makanan seperti berasaskan senioriti, status sosial dan jarak hubungan sosial. Orang yang banyak memberi perhatian kepada pertukaran dan pemberian makanan pada awalnya ialah Mauss (1925). Mauss pernah menyimpulkan dalam bukunya *The Gift*(1925) bahawa memberi sesuatu hadiah terutama dalam bentuk makanan bermakna membenarkan atau mengakui kewujudan hubungan sosial antara individu yang memberi dengan individu yang menerima. Mauss menunjukkan bahawa persembahan

makanan, hospitaliti dan pemberian barang-barang berharga dan peraturan hubungan timbal balik ada implikasi ekonomi, sosial, moral dan politik. Pemberian memperkayakan bukan sahaja pemberi tetapi juga penerima dengan hasil yang sama. Menerima makanan yang diberi bermakna seseorang itu telah mengintergrasikan dirinya ke dalam kumpulan sosial pemberi (De Garine 1962).

Ada juga ahli antropologi yang melihat pertukaran sebagai cara individu mendefinisikan peranan dan mewujudkan kuasa. Pertukaran dilihat sebagai mekanisme pengimbangan antara ketidakseimbangan dan juga menimbangi hubungan sosial (McDowell 1978, 1978; Schieffelin 1976). Weiner (1976) melihat pertukaran sebagai kategori pemisah dan penyatuan dan strategi individu untuk mengawal orang lain. Beliau melihat pertukaran sebagai satu proses yang menyebabkan kuasa sistem hubungan berada dalam keseimbangan berdasarkan pemerhatian terhadap orang Trobriand yang menggunakan pertukaran makanan untuk memahami dan menghantar *message* berkenaan dengan *state of mind* yang wujud antara mereka. Pertukaran makanan dalam perkahwinan menyatakan obligasi dan peranan antara pemberi dengan penerima makanan, iaitu antara pengantin lelaki dengan perempuan dan juga antara keluarga pengantin lelaki dengan keluarga pengantin perempuan. Peranan pengantin perempuan terjelma melalui makanan yang dipertukarkan serta tingkah laku yang berkait dengan pertukaran. Dalam perkahwinan Melayu, upacara menyuap semangat memperlihatkan kedudukan wanita yang subordinat kepada lelaki.

(b) Adat dan Makanan Hantaran Dalam Perkahwinan

Dalam 20 kenduri kahwin yang diperhatikan, didapati kesemua pengantin lelaki memberi hadiah kepada pengantin perempuan dalam bentuk wang, barang keperluan peribadi (seperti pakaian, kasut, barang kemas, sejadah, telekung dan alat-alat *make-up*) dan bahan makanan. Pemberian daripada pihak pengantin lelaki ini dinamakan hantaran oleh orang Melayu Kelantan. Jumlah hantaran mesti dalam angka ganjil, baik daripada segi bilangan mahupun gabungan setiap bahan yang digunakan, iaitu lima, tujuh, sembilan, 11 atau 13. Orang Melayu Kelantan percaya bahawa angka ganjil memiliki unsur kebaikan dan keberkatan. Angka genap dikaitkan dengan unsur kejahatan dan kecelakaan. Seorang Mak Andam di Sungai Peria memberitahu bahawa kepercayaan ini selaras dengan kebanyakan peraturan ibadat dalam Islam seperti sembahyang lima waktu sehari, rukun Islam adalah lima dan tawaf semasa mengerjakan Haji atau umrah adalah tujuh kali. Jumlah sebenar hantaran yang semestinya dalam angka ganjil ini bergantung kepada persetujuan antara keluarga kedua-dua pengantin. Dalam kesemua 20 upacara perkahwinan yang diperhatikan, didapati jumlahnya adalah dalam angka ganjil, iaitu majoritinya dalam jumlah sembilan hantaran. Daripada sembilan hantaran ini, lima adalah dalam bentuk makanan, iaitu dalam bentuk telur dan pulut semangat, buah-buahan, kek, sirih jungjung dan manisan seperti halwa, buah hulu, jala mas, tahi itik, nasi manis, dodol atau coklat.

Persetujuan tentang jumlah hantaran dicapai pada hari pertunangan atau sebelum hari akad nikah diadakan. Persetujuan antara kedua-dua belah pihak amat perlu bagi memudahkan keluarga pengantin perempuan menyediakan balasan bagi hantaran yang diberikan oleh pengantin lelaki. Balasan ini mestilah dalam jumlah yang sama atau lebih tetapi tidak boleh kurang daripada jumlah hantaran yang diberikan oleh pengantin lelaki. 16 keluarga pengantin perempuan membalas hantaran pihak pengantin lelaki dalam jumlah yang sama dengan jumlah hantaran. Cuma empat buah keluarga pengantin perempuan yang membalas dua lebih daripada jumlah hantaran daripada pihak pengantin lelaki. Balasan daripada pihak perempuan terdiri daripada barang-barang keperluan lelaki (seperti pakaian lelaki, jam tangan, sejadah, cincin suawasa dan bahan makanan). Makanan yang dijadikan

sebagai balasan dalam 20 kenduri kahwin yang diperhatikan adalah (a) telur dan pulut semangat, (b) sirih junjung, (c) buah-buahan, (d) ayam “golek”, (e) kek ising dan (f) manisan. Makanan ini dalam keadaan biasa dianggap sebagai tambul, lauk atau makanan istimewa sahaja. Apabila makanan ini digunakan sebagai hantaran, makna dan fungsi makanan tersebut sudah berubah. Dalam kehidupan harian, pulut kuning dijadikan bahan makan pagi, tambul, pemberian kepada tetamu yang datang sembahyang hajat, makanan yang dihidangkan semasa kenduri kematian, kenduri belah mulut atau kenduri khatan Al-Quran.

Makanan hantaran ini selalunya digubah cantik dan diletak dalam bekas yang juga cantik dan mahal. Makanan hantaran yang digubah dan diletak dalam bekas ini diletak di atas paha dan dipamerkan kepada tetamu, terutama tetamu wanita. Bagi pengantin yang bersanding, hantaran ini diatur di hadapan pelamin, iaitu sebelah untuk hantaran pengantin lelaki dan sebelah lagi untuk balasan daripada pihak pengantin perempuan. Bagi pengantin yang tidak bersanding, hantaran daripada pihak lelaki dan balasan daripada pihak perempuan diatur dalam bilik tidur pengantin atau di tengah rumah. Tetamu selalunya akan melihat barangan hantaran dan balasan ini serta membuat penilaian mereka berdasarkan apa yang mereka perhatikan – misalnya dari segi kekayaan keluarga pengantin lelaki dan kemampuan pihak pengantin perempuan untuk membalasnya.

(c) Interpretasi Makanan Hantaran

Makanan hantaran dalam perkahwinan Melayu mempunyai makna dan fungsinya yang tersendiri. Ada makanan yang melambangkan kekuatan ikatan, kesuburan, keghairahan, kepandaian dan kemodenan.

i) Keberkatan dan Kekuatan Ikatan

Telur dan pulut digunakan sebagai hantaran dalam semua kenduri kahwin dalam kalangan orang Melayu yang diperhatikan. Telur dan pulut ini dinamakan telur dan pulut semangat. Telur dan pulut ini apabila dijadikan bahan hantaran sudah memiliki kualiti mistik dan berstatus tinggi. Orang Melayu Kelantan percaya bahawa telur dan pulut mempunyai semangat yang kuat dan keberkatan. Semangat yang kuat dan keberkatan ini dipercayai boleh melindungi pengantin dan keluarga mereka daripada gangguan makhluk ghaib. Gangguan makhluk ghaib amat ditakuti oleh orang Melayu Kelantan kerana mereka boleh mengganggu perjalanan upacara perkahwinan. Semangat yang dimiliki oleh telur dan pulut boleh melindungi kedua-dua pengantin daripada segala gangguan.

Semangat dan keberkatan telur dan pulut semangat diperteguhkan lagi melalui warna-warna yang digunakan untuk mewarnai kedua-duanya. Mengikut kesemua ketua tukang gulai, warna yang kerap digunakan untuk telur dan pulut semangat ialah merah, putih atau kuning. Warna-warna ini mesti ada dalam telur dan pulut semangat. Mengikut seorang Mak Andam, bagi telur semangat, warna putih sudah ada dalam telur itu sendiri, iaitu telur putih. Begitu juga dengan warna merah yang diwakili oleh telur merah. Warna kuning terdapat dalam pulut semangat yang diwarni dengan kunyit (*Curcuma domestica*). Kunyit ialah tumbuhan rempah dan pewarna dalam masyarakat Melayu yang mempunyai asal usul dari rantau Melesia. Kunyit memiliki warna kekuningan dan rasa kepedasan yang dikaitkan dengan unsur panas. Kuning ialah warna kebesaran dan warna raja-raja. Warna kekuningan dan rasa kepedasan yang ada pada kunyit ini digabungkan dengan semangat yang ada pada beras, menyebabkan pulut semangat mempunyai kekuatan dan kebesaran yang amat tinggi. Pulut dalam keadaan biasa disebut pulut kuning sahaja, tetapi namanya berubah apabila

dijadikan bahan hantaran dan diletakkan atas pahar (iaitu talam berkaki yang dibuat daripada gangsa atau tembaga) dan dipadatkan.

Pulut semangat dihiasi dengan memasukkan telur yang telah dihiasi dengan bunga telur ke dalamnya. Perbuatan memasukkan telur semangat ke dalam pulut semangat melambangkan kerjasama dan ikat yang padu yang sukar untuk dileraikan antara kedua-dua pengantin dan keluarga kedua-dua belah pihak. Jumlah telur semangat yang diletakkan di atas pulut semangat juga adalah dalam angka ganjil. Jenis bunga telur yang digunakan melambangkan status pemberi dan penerima. Ada satu kenduri kahwin yang pihak lelaki tidak puas hati dengan bunga telur yang dijadikan balasan oleh pihak pengantin perempuan kerana dikatakan terlalu murah dan tidak cantik. Wakil pihak pengantin lelaki telah meminta supaya telur semangat mereka tidak perlu ditukar. Perbuatan tersebut telah menimbulkan rasa hina pada pihak pengantin perempuan, tetapi wakilnya telah menunaikan permintaan mereka untuk tidak menimbulkan kemarahan. Mengikut Mak Andam yang terlibat, perbuatan pihak lelaki tadi boleh ditafsirkan sebagai terlalu berkira, tidak ada tolak ansur, angkuh dan kurang ajar.

Gabungan telur dan pulut semangat melambangkan kebesaran, keberanian dan kesucian yang ditafsirkan daripada warna-warna yang ada di dalamnya, iaitu merah, putih dan kuning. Warna kuning dikaitkan dengan kebesaran, warna putih dikaitkan dengan kesucian dan kebersihan dan warna merah pula dikaitkan dengan keberanian dan kekuatan. Unsur-unsur yang dimiliki oleh telur dan pulut semangat menyebabkan kedua-duanya sesuai untuk dijadikan hantaran semasa kenduri kahwin dan sebagai bahan dalam upacara menyuap semangat. Keberanian, kebesaran dan kesucian yang dimiliki oleh telur dan pulut semangat dipercayai boleh melindungi pengantin dan keluarga mereka daripada segala niat jahat pada sepanjang upacara kenduri dan juga dalam kehidupan mereka pada hari muka. Pasangan pengantin diharapkan akan tabah mengharungi segala pancaroba hidup dan akan beroleh kesenangan dan kehormatan. Pulut semangat juga dikatakan mempunyai keberkatan. Keberkatan yang ada pada pulut semangat diharap akan berjangkit kepada kedua-dua pengantin. Hidup mereka yang diberkati Allah akan menjadi senang dan segala urusan mereka berjalan dengan lancar.

Orang Melayu Kelantan juga menganggap telur dan pulut semangat sebagai metafora bagi kesuburan melalui nyawa dan semangat yang ada di dalam telur dan pulut. Kesuburan yang ada dalam telur diharap akan berjangkit kepada pasangan pengantin. Kesuburan pengantin, terutama pengantin perempuan, amat penting kerana melalui anak-anak yang bakal dilahirkan pengantin perempuan boleh mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat. Ketidakupayaan pengantin perempuan melahirkan anak bukan sahaja dipersoalkan oleh suami tetapi juga oleh keluarganya. Kesuburan lelaki jarang-jarang dipersoalkan oleh orang Melayu di ketiga-tiga tempat kajian. Dalam kebanyakan kes, pasangan yang tidak mendapat anak, kesuburan isteri yang dipertikaikan oleh keluarga, terutama keluarga suami. Isteri jugalah orang yang selalu berusaha untuk mendapat anak, manakala suami selalunya mengambil jalan mudah, iaitu berkahwin satu lagi atau berdiam diri. Ada satu kes yang suami telah berkahwin lain setelah isteri pertamanya tidak dapat melahirkan anak setelah berkahwin selama 10 tahun. Pasangan pengantin diharap akan memperolehi zuriat melalui kontak dengan telur dan pulut semangat.

Sifat-sifat pulut semangat yang melekat-lekat antara satu sama lain pula disamakan dengan ikatan perkahwinan antara pengantin perempuan dengan lelaki, ikatan antara anak dengan ibu bapa serta menantu dengan mertua. Ikatan perkahwinan antara pasangan pengantin, ikatan ibu bapa dengan anak menantu, ikatan menantu dengan mertua akan berkekalan sehingga ke akhir hayat sebagaimana pulut melekat antara satu sama lain yang

sukar dipisahkan. Selain itu, telur dan pulut semangat merupakan makanan istimewa. Pemberian makanan istimewa menandakan rasa hormat pemberi kepada penerima. Rasa hormat penerima kepada pemberi dinyatakan melalui pemberian balasan makanan yang sama. Rasa hormat ini penting bagi menjamin keharmonian rumah tangga pengantin dan hubungan mereka dengan ipar duai.

Gabungan rasa masin, lemak dan manis yang terdapat dalam pulut semangat disamakan dengan rasa dalam kehidupan yang bakal ditempuh oleh kedua-dua pengantin dalam mengharungi alam rumah tangga. Dengan memperkenalkan kepada rasa yang elok, iaitu masin, lemak dan manis diharapkan kehidupan kedua-dua pengantin akan sentiasa berada dalam keharmonian dan kebahagiaan. Kepentingan rasa-rasa ini dapat diperhatikan dalam satu upacara perkahwinan. Kekecuaan telah berlaku, dengan Mak Andam pada sebelah pengantin lelaki marah dan mengatakan keluarga pengantin perempuan tidak tahu adat kerana tidak menyediakan asam, garam dan gula untuk upacara menyuap semangat. Mak Andam pada sebelah pengantin perempuan merasa terhina kerana dikatakan tidak beradat. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan ketegangan, beliau mengarahkan ahli keluarga pengantin perempuan mengambil garam, gula dan asam jawa, sambil bersungut-sungut dengan mengatakan apa yang ada pada garam, gula dan asam jawa. Ahli keluarga pengantin perempuan telah membawa semangkuk garam, semangkuk gula dan semangkuk asam jawa. Pulut semangat ini dipercayai oleh orang Melayu Kelantan sebagai mempunyai keberkatan. Keberkatan yang ada pada pulut ini diharapkan akan berpindah kepada kedua-dua pengantin. Mereka yang diberkati mempunyai kehidupan yang aman damai serta rezeki yang murah.

ii) Keghairahan Pengantin

Dalam kehidupan harian, sirih merupakan tambul yang dimakan oleh golongan tua dan juga dihidangkan kepada tetamu sebagai pembuka kata atau sebagai tanda persahabatan. Kegunaan sirih untuk tujuan ini sudah mula berkurangan sekarang kerana sirih jarang-jarang dimakan oleh golongan muda. Sirih juga digunakan untuk tujuan senggang dan rihat. Selain kegunaan tersebut, sirih juga digunakan oleh orang Melayu Kelantan dalam upacara pertunangan dan perkahwinan. Dalam upacara pertunangan dan perkahwinan, sirih merupakan elemen penting yang mesti disediakan dan dinamakan sirih junjung (Foto 2). Dalam kedua-dua upacara ini, sirih dipercayai boleh mewujudkan dan merapatkan hubungan sosial antara tunang, pengantin perempuan dengan pengantin lelaki dan antara keluarga kedua-dua pengantin. Di samping itu, orang Melayu Kelantan juga percaya bahawa sirih mempunyai kuasa ghaib yang berupaya untuk membangkitkan keghairahan. Pengantin, baik pengantin lelaki mahupun pengantin perempuan sebelum dipakaikan baju pengantin diberi makan sirih sepiyak oleh Mak Andam dengan tujuan untuk menaikkan seri muka pengantin. Seri yang didatangkan daripada sirih, baik daripada sirih yang dimakan mahupun sirih yang dijadikan bahan hantaran, diharapkan boleh membangkitkan keghairahan seksual antara pengantin. Ini amat penting kerana kebanyakan perkahwinan yang diperhatikan adalah diatur oleh ibu bapa kedua-dua belah pihak. Ada kes yang pengantin perempuan tidak mengenali pengantin lelaki dan mereka hanya bertemu semasa upacara akad nikah atau bersanding.

Bila ditanya Mak Andam yang terlibat tentang kepentingan sirih, semua mengatakan bahawa sirih amat penting dalam kehidupan orang Melayu. Kepentingan ini berkait dengan kepercayaan magis yang dikaitkan dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh pokok sirih. Pokok sirih adalah sejenis pokok yang menjalar yang memerlukan junjung untuk hidup dengan selesa. Pokok ini hanya sekadar melekat pada junjung dan tidak menguasai junjung sebagaimana pokok dedalu yang memusnahkan pokok ditumpanginya. Tabiat pokok sirih yang tidak menyusahkan junjung diharapkan akan berpindah kepada kedua-dua pengantin. Kedua-dua pengantin diharapkan nanti tidak akan menyusahkan dan membebankan

pasangan serta keluarga masing-masing setelah mereka disatukan. Mereka akan hidup tolong menolong dan bantu membantu antara satu sama lain.

Cantuman pinang, gambir dan kapur dalam sirih junjung menggambarkan kehidupan yang bersatu padu dan harmoni. Sifat-sifat bahan yang dicantumkan dengan sirih junjung pula dikaitkan dengan sifat manusia. Warna kapur yang putih bersih menggambarkan kebersihan hati. Rasa gambir yang kelat kepahitan pula menggambarkan kecekalan dan ketabahan hati. Manakala sifat pokok pinang yang berbatang lurus dan berbuah lebat tanpa mengira musim menggambarkan keikhlasan hati, kesuburan dan baka yang baik. Sifat-sifat ini diharap akan dimiliki oleh kedua-dua pengantin demi untuk membolehkan mereka mengharumi kehidupan baru dalam alam rumah tangga. Sirih juga dianggap oleh orang Melayu Kelantan sebagai ubat dan bahan pemberi tenaga. Sirih yang digabungkan dengan gambir, kapur dan pinang dalam sirih junjung dipercayai memiliki unsur kepanasan dan kebesaran yang sangat mujarab untuk menghalau makhluk ghaib. Unsur kepanasan dan kebesaran ini boleh menghalau atau menakutkan hantu syaitan supaya makhluk itu tidak mengganggu upacara perkahwinan. Keadaan yang sama juga telah ditegaskan oleh Rooney (1993: 5) dalam kalangan berbagai-bagai masyarakat di Asia Tenggara. Mengikut Rooney, keupayaan air sirih kalau digunakan oleh bomoh untuk “... *exorcise supernatural forces is unlimited*” (Rooney 1993:32). Kegunaan sirih secara simboliknya berkait dengan trinita Hindu buah pinang dikaitkan dengan Brahman, pencipta; daun sirih dengan Vishnu, dengan pelindung; dan kapur dengan Shiva, pemusnah (Rooney 1993: 34). Ini bermakna apa-apa yang berkaitan dengan sirih dan pinang, dipercayai memiliki unsur-unsur pencipta, pelindung dan pemusnah. Penggunaan sirih pinang dipercayai boleh melindungi diri orang yang mengguna di samping berupaya untuk mengeluarkan unsur-unsur jahat yang ada di dalam diri seseorang.

iii) *Kepandaian Memasak*

Ayam golek hanya dijadikan bahan balasan oleh pihak pengantin perempuan. Ayam golek merupakan masakan istimewa dan makanan raja-raja. Ayam golek susah dimasak dan mengambil masa yang lama untuk dimasak serta tidak semua orang tahu memasaknya. Mengikut seorang ketua tukang gulai, untuk memasak ayam golek, ayam yang disembelih tidak dipotong kecuali kepala dan kaki. Perut ayam dibersihkan dan disumbat dengan hati serta pedal ayam yang dipotong halus-halus dan digaul dengan rempah dan dijahit. Ayam tadi dilumur dengan rempah dan diperapakan selama setengah atau satu jam sebelum dikukus sekejap. Selepas dikukus, ayam dibakar. Setelah masak ia akan dilumur dengan kuah yang telah dimasak dan dibakar dengan api perlahan-lahan. Ini dilakukan beberapa kali sehingga ayam tadi betul-betul masak dan sebati dengan kuah. Setelah masak ayam golek dihias dan digubah cantik.

Ayam golek adalah sejenis masakan istimewa yang tidak semua orang berupaya untuk memasaknya. Ayam golek yang dijadikan balasan oleh pihak pengantin perempuan, walaupun tidak dimasak oleh pengantin perempuan, melambangkan kepandaian, kebolehan, keupayaan dan keperihatinan keluarga pengantin perempuan dalam hal masak memasak. Kepandaian, kebolehan dan keupayaan keluarga pengantin perempuan dalam hal masak memasak juga disamakan dengan kepandaian pengantin perempuan. Keadaan ini menandakan yang pengantin perempuan telah dididik dan dilatih oleh keluarganya dalam hal masak memasak. Sangatlah wajar bagi pengantin perempuan untuk menunjukkan bahawa dia bukan sahaja berupaya untuk memasak makanan harian tetapi juga makanan istimewa. Ayam golek yang dijadikan bahan hantaran menjadi ukuran tentang kepandaian pengantin perempuan. Kepandaian dan kebolehan pengantin perempuan dalam hal masak memasak amat penting kerana mereka secara automatik bertanggungjawab untuk memasak makanan

bagi suami sebaik sahaja kahwin. Mengikut Manderson(1986 72), peranan pengantin perempuan dalam menyediakan makanan untuk suami adalah “...a major duty and symbol of marriage”. Kepandaian pengantin perempuan memasak juga merupakan asset bagi pengantin lelaki kerana kepandaian ini boleh digunakan untuk menambah pendapatan mereka atau dijadikan sebagai sumber pendapatan apabila keadaan memerlukan. Balasan dalam bentuk ayam golek menandakan tugas pertama pengantin perempuan kepada pengantin lelaki. Pemberian ini membawa makna komitmen dan sokongan yang akan diberikan oleh pengantin perempuan pada sepanjang perkahwinan mereka nanti.

Ayam golek dijadikan bahan hantaran juga berkait dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh ayam. Ayam menetas sendiri telurnya tidak seperti itik. Ini adalah kerana ayam dikatakan haiwan yang rajin, bertanggungjawab serta tidak mementingkan diri sendiri. Itik sejenis haiwan yang suka bertelur tetapi tidak pernah menetas sendiri telurnya. Ayam yang menetas telur untuk itik. Oleh itu itik dikatakan sebagai pemalas dan sikap pemalas itik ini dipercayai akan berjangkit kepada pasangan yang baharu berkahwin. Dengan tidak menyediakan itik golek semasa kenduri kahwin diharapkan suami isteri tidak akan berpisah dan akan menjadi ibu bapa yang bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Tidak ada satu kenduri kahwin pun yang menyediakan itik golek sebagai hantaran. Mengikut beberapa orang tua di sini, itik golek tidak boleh dijadikan bahan hantaran semasa kenduri kahwin kerana dipercayai pasangan yang kahwin tadi akan berakhir dengan perceraian.

iv) Kemodenan

Kek ising digunakan sebagai bahan hantaran semasa kenduri perkahwinan. Penggunaan kek ising sebagai hantaran dalam kenduri kahwin merupakan fenomena baru di Kelantan. Kek ising dijadikan hantaran dalam kesemua kenduri kahwin yang diperhatikan. Tradisi yang dimulakan oleh masyarakat Barat telah diamalkan oleh orang Melayu Kelantan pada hari ini. Amalan ini dianggap sebagai sesuatu yang moden. Orang Melayu sejak dahulu lagi menganggap masyarakat Barat sebagai lebih moden dan *superior* berbanding mereka. Kebanyakan kek ising yang dijadikan hantaran tidak dibuat sendiri oleh kedua-dua belah pihak tetapi dibeli dari kedai kek di sekitar Kelantan. Nilai kek di sini tidak sama dengan nilai kek perkahwinan dalam masyarakat Barat. Dalam kalangan masyarakat Barat, kek mempunyai nilai simbolik yang berkaitan dengan kesuburan dan keberkatan (Edwards, 1989). Bila ditanya informan mengapa mereka menggunakan kek ising sebagai salah satu bahan hantaran, jawapan yang selalu diberikan ialah “Orang putih guna kek kita guna kek jugalah. Lagi pun makanan orang putih ini dianggap makanan istimewa. Makanan istimewa amat sesuai untuk dijadikan hantaran bagi mereka yang ingin memulakan persahabatan dan ikatan kekeluargaan”.

Kegunaan kek di sini berkait dengan keinginan mereka untuk meniru dan menjadi moden. Orang moden dikatakan oleh mereka sebagai maju dan berkemampuan. Jadi penggunaan kek ising sebagai hantaran menunjukkan bahawa orang Melayu Kelantan juga merasa mereka tidak ada beza dengan masyarakat moden lain. Mereka tidak kolot dan tidak ketinggalan dalam arus permodenan, pembangunan serta berkemampuan. Selain itu, kek ising dianggap oleh orang Melayu Kelantan sebagai makanan istimewa kerana kek ising berasal dari luar, susah untuk memasaknya dan memerlukan bukan sahaja bahan dan peralatan yang sukar didapati tetapi juga mahal harganya. Sebagai makanan istimewa, kek ising sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan hantaran.

v) *Kesuburan*

Buah-buahan yang banyak digunakan oleh orang Melayu Kelantan dalam hantaran terdiri daripada buah pisang, anggur, limau sunskist dan buah-buahan yang diimport. Buah-buahan yang digunakan ini mempunyai kualiti metafora yang tersendiri. Pisang dikatakan pokok ajaib kerana pokok itu tidak sama dengan pokok buah-buahan lain yang memerlukan biji benih untuk tumbuh. Pokok pisang boleh beranak tanpa memerlukan biji benih. Buah pisang juga dikaitkan dengan kesuburan dan baka yang baik kerana pisang berbuah lebat dan tidak bermusim. Oleh itu, buah pisang banyak digabungkan dengan buah-buahan import yang dijadikan sebagai hantaran semasa perkahwinan. Buah-buahan yang diimport, iaitu gabungan anggur, limau sunkist dan epal mempunyai martabat yang lebih tinggi berbanding buah-buahan tempatan. Anggur, melalui sifat-sifatnya yang berbuah lebat dan melekat-lekat antara satu sama lain, dikatakan akan mempengaruhi kesuburan pasangan yang berkahwin. Diharapkan anak-anak yang bakal dilahirkan oleh pasangan pengantin juga ramai sebagaimana banyaknya buah anggur. Limau sunkist pula melambangkan kebesaran kerana warnanya kekuningan.

KESIMPULAN

Makanan hantaran dalam upacara perkahwinan membawa makna kesuburan, kekuatan, keberkatan, kesatuan, kesucian, kepandaian dan obligasi kedua-dua belah pihak pengantin. Makanan yang digunakan sebagai hantaran dalam perkahwinan orang Melayu memiliki kualiti metaforikal yang dipercayai boleh dipindah kepada manusia melalui penggunaannya. Kepercayaan ini berkait dengan kepercayaan magik, iaitu magis homeopatik dan magis berjangkit. Magis homeopatik diasaskan pada andaian bahawa entiti yang mempunyai bentuk, rasa, bau, warna, cecair, bunyi dan tingkah laku yang sama boleh mendatangkan kesan yang sama. Kepercayaan tentang prinsip-prinsip homeopatik merupakan usaha mereka untuk memahami hubungan penyebab dan kesan. Magis berjangkit pula diasaskan pada andaian bahawa kesan boleh diwujudkan dalam satu-satu entiti melalui kontak, baik secara fizikal atau hanya dalam pemikiran dengan entiti lain.

Makanan hantaran daripada pihak pengantin lelaki dan makanan balasan daripada pihak pengantin perempuan melambangkan kesepakatan dan penerimaan hubungan yang dihulurkan oleh kedua-dua belah pihak, iaitu pengantin lelaki dengan perempuan dan keluarga pengantin lelaki dengan keluarga pengantin perempuan. Mereka diterima sebagai sebahagian daripada ahli keluarga dalam kedua-dua keluarga. Hubungan timbal balik antara kedua-dua belah keluarga yang dinyatakan melalui hantaran dan balasan, melambangkan rasa hormat menghormati dan penerimaan tanggungjawab antara golongan yang terlibat.

PENGHARGAAN

Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada UKM kerana menyediakan dana di bawah peruntukan UKM-GUP-ASPL-08-04-225 [2008] bagi membolehkan kajian ini dijalankan dengan jayanya.

Rujukan

De Garine, I. 1972. The Socio-Cultural Aspects of Nutrition. *Ecology of Food and Nutrition* 1: 143- 163.

- Douglas, M. 1966. *Purity and Danger: An Analysis of Concepts of Pollution and Taboo*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Douglas, M. 1975. *Implicit Meanings: Essays in Anthropology*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Douglas, M. 1973. *Rules and Meanings: The Anthropology of Everyday Knowledge*. Suffolk: Penguin Books.
- Douglas, M. 1972. Deciphering a Meal. *DAEDALUS: Journal of the American Academy of Arts and Science* Winter: 61-81.
- Dumont, L. 1974. *Homo Hierarchicus: The Caste System and its Implications*. Chicago: University of Chicago Press.
- Endicott, K. M. 1981. *An Analysis of Malay Magic*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Farb, P. & G. Armelagos. 1980. *Consuming Passions: The Anthropology of Eating*. New York: Washington Square Press.
- Firth, R. 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*. London: Athlone Press.
- Firth, R. 1973. *Symbols: Public and Private*. Ithaca: Cornell University Press.
- Foster, G.M. & B.G. Anderson. 1978. *Medical Anthropology*. New York: John Wiley & Sons.
- Geertz, C. 1973. *The Interpretation of Culture*. New York: Basic Books.
- Laderman, C. 1981. Symbolic and Empirical Reality: A New Approach to the Analysis of Food Avoidance. *American Ethnologist* 8: 3.
- Laderman, C. 1984. Food Ideology and Eating Behavior: Contributions from Malay Studies. *Social Science & Medicine* 19: 5.
- Levi-Strauss, C. 1965. The Culinary Triangle. *Partisan Review* 33.
- Levi-Strauss, C. 1964. *The Raw and The Cooked*. London: Jonathan Cape.
- Mauss, M. 1967. *The Gift*. London: Cohen & West.
- Richards, A.I. 1932. *Hunger and Work in a Savage Tribe: A Functional Study of Nutrition Among the Southern Bantu*. London: George Routledge & Sons.
- Richards, A.I. 1939. *Land, Labour and Diet in Northern Rhodesia: An Economic Study of the Bemba Tribe*. London: The Oxford University Press.
- Rooney, D.F. 1993. *Betel Chewing Traditions in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Yalman, N., 1969. On the meaning of food offering in Ceylon. Dlm. R.F.Spencer. (Pnyt.) *Forms of symbolic action*. Seattle: University of Washington Press.

Young, M.W. 1971. *Fighting with food*. Cambridge: Cambridge University Press.

Aishah@Eshah Haji Mohamed
Program Antropologi dan Sosiologi
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Email: ehm01@ukm.my

Sulong Mohamad
Sarjana Tamu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Haziyah Hussain
Alam dan Tamaddun Manusia (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: haziyah56@yahoo.com